



**BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN**

*Sports, Co-curricular and Arts Division*

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

*Ministry of Education*

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002  
Laman Web : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: KPM.600-4/1/1 Jld.58 ( 32 )

Tarikh : 12 Ogos 2026

Penyelaras Jaringan Industri dan Teknologi Elektrik  
Universiti Malaysia Perlis  
Kampus Alam Pauh Putra, Arau  
02600 Perlis

YBrs. Dr.,

**PENGIKTIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PELIBATAN MURID DALAM  
PAMERAN EKSPLO REKACIPTA *VIRTUAL EXPO OF INNOVATION PRODUCT  
AND SYSTEM DESIGN 2026* ANJURAN UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas dan berkaitan juga dengan surat tuan bertarikh 24 Jun 2026.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) mengucapkan tahniah atas usaha pihak **Universiti Malaysia Perlis** kerana telah memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui penyertaan dalam **Ekspo Rekacipta *Virtual Expo of Innovation Product and System Design 2026*** yang telah dilaksanakan pada **11 hingga 20 Mei 2026**.

3. BSkk telah menerima serta meneliti laporan pelibatan murid bagi program yang dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan pemarkahan yang diberikan ialah **Pelibatan II Peringkat Antarabangsa** bagi semua murid yang menyertai program berkenaan.

4. Markah pengiktirafan ini hendaklah diambil kira dalam pemarkahan kokurikulum di bawah Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Bagi tujuan tersebut, pihak sekolah hendaklah merujuk kepada jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti di Lampiran A. Pihak penganjur perlu mengemukakan salinan surat pengiktirafan program beserta senarai murid terlibat kepada jabatan pendidikan negeri (JPN) dan sekolah yang berkaitan.

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada Unit Kelab dan Persatuan melalui talian **03-88841090** atau e-mel **ukp.bskk@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ITHNIN BIN MAHADI)**

Pengarah  
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian  
Kementerian Pendidikan

s.k.: Semua Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri

*Izy/PAJSK2026/MyDoc2026*

**LAMPIRAN A**

**PENGIKTIRAFAN PELIBATAN DAN PENCAPAIAN KOKURIKULUM MURID  
DALAM PENILAIAN PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN  
KOKURIKULUM (PAJSK) KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**JENIS PELIBATAN**

| <b>JENIS</b>         | <b>TAFSIRAN</b>                                                                                                                                                                                                                                    |
|----------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>PELIBATAN I</b>   | i. Program pertandingan/kejohanan/perkhemahan/kursus secara bersemuka dan mempunyai pemeringkatan.<br>ii. Program pertandingan / kejohanan / perkhemahan / kursus secara dalam talian dan mempunyai pemeringkatan serta interaksi secara langsung. |
| <b>PELIBATAN II</b>  | i. Program pertandingan/ kejohanan/perkhemahan/kursus/ karnival secara bersemuka atau dalam talian dan tiada pemeringkatan.<br>ii. Jawatankuasa pelaksana, petugas teknikal dan persembahan selingan.<br>iii. Peserta lawatan luar negara          |
| <b>PELIBATAN III</b> | i. Peserta program dalam talian yang bersifat pertandingan atau bukan pertandingan seperti program/ aktiviti yang tiada interaksi peserta secara langsung.<br>ii. Pelibatan murid sebagai penyokong atau penonton                                  |

**SKOR PELIBATAN**

| <b>PERINGKAT</b>            | <b>SKOR</b>        |                     |                      |
|-----------------------------|--------------------|---------------------|----------------------|
|                             | <b>Pelibatan I</b> | <b>Pelibatan II</b> | <b>Pelibatan III</b> |
| Antarabangsa                | 20                 | 15                  | 10                   |
| Kebangsaan                  | 17                 | 12                  | 8                    |
| Negeri                      | 14                 | 10                  | 6                    |
| Bahagian<br>(Sabah/Sarawak) | 12                 | 9                   | 5                    |
| Zon/Daerah                  | 11                 | 8                   | 4                    |

**SKOR PENCAPAIAN**

| <b>ELEMEN</b>               | <b>PERKARA</b>   | <b>SKOR</b>  |                       |               |                |               |
|-----------------------------|------------------|--------------|-----------------------|---------------|----------------|---------------|
| <b>TAHAP<br/>PENCAPAIAN</b> | <b>PERINGKAT</b> | <b>Johan</b> | <b>Naib<br/>Johan</b> | <b>Ketiga</b> | <b>Keempat</b> | <b>Kelima</b> |
|                             | Antarabangsa     | 20           | 19                    | 18            | 17             | 16            |
|                             | Kebangsaan       | 17           | 16                    | 15            | 14             | 13            |
|                             | Negeri           | 14           | 13                    | 12            | 11             | 10            |
|                             | Daerah           | 11           | 10                    | 9             | 8              | 7             |
|                             | Sekolah          | 8            | 7                     | 6             | 5              | 4             |